

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 8

RUANGAN : NASIONAL

Golongan B40 disaran memanfaatkan insentif PeKa B40

Kuala Lumpur: Golongan B40 disaran memanfaatkan saringan kesihatan percuma menerusi program Skim Peduli Kesihatan untuk Kumpulan B40 (PeKa B40).

Ketua Pegawai Eksekutif ProtectHealth Corporation Sdn Bhd (ProtectHealth), Datuk Dr Anas Alam Faizli, berkata saringan kesihatan itu juga percuma kepada penerima Bantuan Prihatin Rakyat (BPR).

"Secara keseluruhan terdapat 5.9 juta penerima BPR layak untuk PeKa B40 dan mereka hanya perlu membawa kad pengenalan ke mana-mana lebih 3,000 klinik swasta yang berdaftar dengan ProtectHealth untuk mendapatkan saringan kesihatan percuma.

"Sebagai contoh, peralatan stent jantung berharga antara RM4,000-RM5,000 dan ia tiada subsidi di hospital kerajaan. Jadi, sekiranya perlu digantikan, PeKa B40 boleh bantu bayar," katanya menerusi twitter, semalam.

Dr Anas Alam berkata, PeKa B40 mempunyai manfaat alat bantuan perubatan hingga RM20,000 untuk setiap individu. Malah, program itu menyediakan manfaat insentif melengkapkan rawatan kanser hingga RM1,000 kepada semua individu.

Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin, sebelum ini dilaporkan berkata, masih ramai tidak memanfaatkan program PeKa B40 yang disediakan secara percuma kepada penerima bantuan sara hidup kerajaan terutama mereka yang berusia 40 tahun ke atas membatikan ketua keluarga dan pasangan.

Beliau berkata, justeru Kementerian Kesihatan (KKM) merancang menetapkan satu bulan sebagai Bulan Pemeriksaan Kesihatan Malaysia (BPKM) dengan cadangan awal, ia diadakan pada Julai depan.

Program itu menyediakan manfaat insentif melengkapkan rawatan kanser hingga RM1,000 kepada semua individu

Dr Anas Alam Faizli,
Ketua Pegawai
Eksekutif ProtectHealth



Pembukaan sempadan Malaysia, Singapura

Tak perlu tunjuk salinan fizikal vaksinasi

Johor Bahru: Pengembara serta individu yang memasuki Singapura menerusi pusat pemeriksaan darat dari Malaysia, tidak perlu menunjukkan salinan fizikal sijil vaksinasi COVID-19.

Sebaliknya, pihak Berkuasa Imigresen dan Pusat Pemeriksaan (ICA) Singapura, berkata pengembara hanya perlu menghantar permohonan Kad Ketibaan Singapura (SG Arrival Card) secara dalam talian, sebelum rekod vaksinasi mereka akan disahkan Kementerian Kesihatan Singapura menerusi sistem mereka.

Memetik laporan portal berita Channel News Asia (CNA) kelmarin, ICA berkata penjelasan itu dibuat berikutan mesej WhatsApp tular yang tersebar me-

nenai pengalaman pengembara yang melalui salah satu daripada pusat pemeriksaan laluan darat.

Mesej itu antara lain mendakwa, pengembara yang mahu memasuki Singapura, perlu menunjukkan salinan fizikal rekod vaksinasi, memo pemulihan COVID-19 atau salinan rekod digital SG Arrival Card.

Mesej itu mendakwa, sijil vaksinasi fizikal diperlukan kerana sistem ICA dan Kementerian Kesihatan tidak terhubung dan pengembara tidak boleh mengangap bahawa ICA mempunyai akses kepada rekod vaksinasi mereka.

Mesej itu turut mendakwa, rekod digital SG Arrival Card diperlukan kerana sistem ICA ti-

dak dapat mengesan penyerahan yang dilakukan pengembara secara dalam talian.

Kelmarin, ICA dilaporkan menegaskan, warga Singapura yang kembali ke republik itu, pemastautin tetap dan pemegang pas jangka panjang yang divaksinasi di Singapura tidak perlu menunjukkan salinan fizikal sijil vaksinasi.

Dalam pada itu, pemastautin dan pelawat asing yang divaksinasi di luar Singapura dan berjaya memuat naik sijil vaksinasi digital semasa menghantar SG Arrival Card, juga tidak diperlukan membawa salinan fizikal kepada pegawai ICA di pusat pemeriksaan darat.

Menerusi rangka kerja VTL

sebelum ini, pengembara yang sudah divaksin serta mereka yang telah pulih dari COVID-19 juga tidak perlu menunjukkan memo pemulihan apabila memasuki Singapura melalui jalan darat.

Mulai jam 11.59 malam pada 31 Mac lalu, semua pengembara yang telah divaksin sepenuhnya, serta kanak-kanak berumur 12 tahun ke bawah, dilaporkan boleh memasuki Singapura dengan hanya ujian awal COVID-19.

Pelancong juga dilaporkan tidak perlu lagi memohon kelulusan kemasukan atau menaiki pengangkutan VTL yang ditetapkan untuk memasuki Singapura tanpa kuarantin, malah tiada lagi kuota pada bilangan ketibaan harian ke republik itu.

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 9

RUANGAN : NASIONAL

Penularan COVID-19

Penghidap diabetes lebih mudah dijangkiti gejala serius

Orang ramai diminta jaga kesihatan, amal diet seimbang

@Uthmaniyah Hisham
mahani@bh.com.my

Shah Alam: Penghidap diabetes berdepan risiko tiga hingga empat kali lebih mudah untuk dijangkiti gejala COVID-19 yang serius berbanding individu yang tidak menghidap penyakit itu.

Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin, berkata diabetes sudah lama wujud dalam masyarakat negara ini, justeru rakyat

perlu berusaha membendungnya daripada terus menular yang akhirnya memberi kesan terhadap kualiti hidup penduduk Malaysia.

"Diabetes bukan sahaja dikaitkan dengan pengambilan gula berlebihan, malah berkait rapat dengan cara pemakanan tidak terkawal dan amalan hidup tidak sihat.

"Orang ramai perlu menjaga kesihatan diri dengan mengamalkan diet pemakanan sihat dan seimbang serta mengamalkan cara hidup yang aktif.

"Ibu bapa juga harus menjadi contoh kepada anak dalam mengamalkan cara hidup yang sihat bagi memastikan anak kita terus sihat, cergas dan bebas daripada sebarang penyakit," katanya.

Beliau berkata demikian keti-

ka berucap pada Kempen Perangi Diabetes anjuran Selangor FC dan syarikat farmaseutikal Sanofi Aventis Malaysia (Sanofi), yang berlangsung secara maya, semalam.

Mengulas lanjut, Khairy dilaporkan Bernama sebagai berkata, tinjauan Kebangsaan Kesihatan dan Mobiliti (NHMS) 2019 mendapati, peratusan pesakit diabetes di Malaysia meningkat daripada 13.4 peratus pada 2015 kepada 18.3 peratus pada 2019.

"Laporan ini menunjukkan empat juta penduduk negara ini atau seorang daripada lima individu dewasa berusia 18 tahun ke atas di negara ini, hidup dengan diabetes," katanya.

Sementara itu, beliau berkata, Kementerian Kesihatan (KKM) menggalakkan kerjasama indus-

tri atau ahli akademik dalam penyelidikan klinikal penggunaan kanabis atau ganja dalam perubatan.

Katanya, setakat ini, KKM tidak menerima laporan penuh mengenai kegunaan CBD atau *cannabidiol* (antara kandungan aktif dalam pokok kanabis) untuk tujuan perubatan.


"Sejak kebelakangan ini, banyak perbincangan mengenai penggunaan ganja dalam perubatan.

"Namun, KKM konsisten dalam mengamalkan dasar berasaskan bukti. Sebab itulah kita mengalukan kajian klinikal penggunaan CBD untuk tujuan perubatan," katanya menerusi ciapan Twitter.

Khairy berkata, kerjasama membabitkan industri atau ahli

Ibu bapa juga harus menjadi contoh kepada anak dalam mengamalkan cara hidup yang sihat bagi memastikan anak kita terus sihat, cergas dan bebas daripada sebarang penyakit

Khairy Jamaluddin,
Menteri Kesihatan



akademik itu boleh diselaraskan dengan Institut Penyelidikan Klinikal dan Clinical Research Malaysia (CRM) yang diwujudkan KKM, sejak 2012.

"Setakat ini, hanya banyak luahan minat, ceramah dan advokasi dalam media sosial.

"KKM amat mengalu-alukan penyelidikan terbabit dimulakan industri atau ahli akademik. Kami sedia bekerjasama," katanya.

'Teruskan pakai pelitup muka'

Putrajaya: Orang ramai diingatkan jangan leka dan terus memakai pelitup muka, terutama di kawasan berisiko tinggi untuk jangkitan, walaupun negara sudah memasuki fasa peralihan ke endemik.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, berkata ancaman bahaya virus SARS-CoV-2 tidak boleh diabaikan sama ada ketika dalam fasa peralihan ke endemik mahupun ketika fasa endemik.

Beliau menjelaskan, ini kerana virus SARS-CoV-2 amat mudah merebak melalui titisan cecair atau titisan saluran pernafasan (respiratory droplets).

"Masyarakat harus tetap berwaspada kerana virus ini masih wujud dan menular serta mengakibatkan kematian, terutama dalam kalangan warga emas, kanak-kanak mempunyai sistem imuniti tubuh yang rendah dan individu ada komorbid.

"Walaupun sebahagian besar penduduk Malaysia sudah menerima vaksin COVID-19 bagi dos primer, amalan pemakaian pelitup muka dan penjarakan fizikal yang munasabah masih perlu diteruskan setiap individu dalam fasa peralihan ke endemik.

"Ia bagi memberi perlindungan berterusan kepada golongan berisiko tinggi. Menurut Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), pemakaian pelitup muka antara langkah pencegahan yang dapat mengurangkan penularan virus SARS-CoV-2, terutama di kawasan berisiko tinggi untuk

jangkitan seperti tempat tertu- tang dengan pengudaraan tidak baik, tempat sesak, dan tempat individu melakukan interaksi jarak dekat," katanya dalam kenyataan, semalam.

Dr Noor Hisham berkata, sara- nan itu selaras penjelasan Dr Mike Ryan daripada WHO, bahawa istilah endemik merujuk suatu penyakit sentiasa wujud dalam masyarakat atau sesuatu tempat, namun jangkitan berlaku pada kadar yang stabil.

"Namun, ada kemungkinan berlaku peningkatan penularan secara bermusim ataupun gelombang jangkitan yang besar sekali dengan peningkatan kejadian penyakit serius.

"Dr Mike Ryan juga mengingatkan ada beberapa penyakit seperti Human Immunodeficiency Virus (HIV), tuberkulosis dan malaria dikategorikan sebagai penyakit yang endemik di sebahagian kawasan di dunia, namun terus mengakibatkan kematian berjuta-juta orang setiap tahun.

"Beliau menjangkakan situasi sama juga mungkin berlaku jika COVID-19 diisytiharkan sebagai penyakit yang endemik. Oleh itu, penyakit yang dilaporkan sebagai endemik masih memerlukan program kawalan mantap bagi mengurangkan jangkitan, penderitaan dan kematian," katanya.

Menjelaskan lanjut, Dr Noor Hisham berkata, jika pembawa virus COVID-19 tidak memakai pelitup muka, ia akan memberi risiko jangkitan yang tinggi kepada individu sihat serta tidak memakai pelitup muka.

Beliau turut menyarankan orang ramai memakai pelitup muka dengan betul, iaitu dengan menutup hidung serta mulut sepenuhnya dan bukan hanya sekadar meletak pelitup itu di bawah atau hujung hidung.

"Elakkan kebiasaan membiarkan dagu terdedah, menurunkan pelitup muka ke bahagian dagu atau memakai pelitup muka yang longgar," katanya.

Masyarakat harus tetap berwaspada kerana virus ini masih wujud dan menular serta mengakibatkan kematian, terutama dalam kalangan warga emas, kanak-kanak mempunyai sistem imuniti tubuh yang rendah

Dr Noor Hisham Abdullah,
Ketua Pengarah Kesihatan



Kanser kepala, leher kelima tertinggi dihidapi penduduk

Kota Bharu: Kanser kepala dan leher adalah penyakit kanser kelima tertinggi yang dihidapi oleh penduduk di negara ini serta Asia Tenggara.

Penyarah Perubatan Jabatan Otorinolaringologi, Surgeri Kepala dan Leher, Pusat Pengajian Sains Perubatan (PPSP), Universiti Sains Malaysia (USM) Profesor Dr Irfan Mohamad, berkata kanser kepala dan leher biasanya membabitkan kawasan bibir, mulut, langit, hidung, farinks, larinks dan telinga serta kawasan kelenjar air liur utama parotid dan submandibular.

Katanya, faktor risiko terbesar yang boleh dicegah untuk kanser kepala dan leher ialah amalan merokok serta pengambilan alkohol kerana interaksi kedua-duanya dapat memberikan kesan bersifat sinergistik.

"Kanser ini kurang popular berbanding kanser paru-paru, payudara, limfoma, leukimia mahupun kanser usus, namun ia kanser kelima tertinggi di negara ini.

"Tanda kanser kepala dan leher ialah bengkak pada leher atau anggota yang terabit, ulser melebihi dua minggu, pendarahan hidung yang lam-

bat berhenti kecuali ada penyebab seperti trauma, sukar bernafas akibat penyempitan saluran pernafasan, sukar atau sakit semasa menelan.

"Selain itu, mata kabur atau nampak berbayang, gigi mudah tanggal atau gusi yang membesar, hidung tersumbat, telinga berna-nan dan berdarah, perubahan pada suara, batuk berdarah, juling yang bukan semula jadi atau sejak lahir serta sakit kepala yang berterusan.

"Jika ada tanda ini, pesakit perlu segera berjumpa doktor atau pakar otorinolaringologi bagi pemeriksaan lanjut," katanya.

Beliau berkata, bagi membantu pesakit yang menghidapi kanser kepala dan leher, strategi rawatan sudah diatur mengikut tahap dan kesesuaian individu berkenaan.

Secara amnya, beliau berkata, pembedahan adalah kaedah utama bagi rawatan kanser kepala dan leher kecuali bagi kanser nasofarinks dan larinks yang masih boleh memanfaatkan radioterapi sebagai rawatan utama.

"Namun, pemilihan rawatan paling sesuai bergantung kepada tahap kanser," katanya.

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : LOKAL

Kuala Lumpur

Ketua Pengarah Kesihatan Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah menasihatkan masyarakat agar terus berwaspada terhadap penularan pandemik Covid-19 dalam fasa peralihan ke endemik dengan memakai pelitup muka bagi mengawal jangkitan virus itu.

Dr Noor Hisham berkata, pemakaian pelitup muka antara langkah pencegahan yang dapat mengurangkan penularan virus terutama di kawasan jangkitan berisiko tinggi seperti tempat tertutup dengan pengudaraan tidak baik, tempat sesak dan tempat individu melakukan interaksi jarak dekat.

Katanya, Covid-19 masih memular serta mengakibatkan kematian terutama dalam kalangan warga emas, kanak-kanak, individu mempunyai sistem imuniti tubuh rendah dan individu mempunyai komorbid.

Menurut Dr Noor Hisham, amalan terbaik adalah kedua-dua individu iaitu pembawa Covid-19 dan individu sihat memakai pelitup muka kerana cara itu menjadikan risiko penularan virus pada tahap sangat rendah.

"Ini (pemakaian pelitup muka) berdasarkan kemungkinan ada individu tak tahu dijangkiti Covid-19 berada di kawasan umum kerana tidak bergejala," katanya.

Dr Noor Hisham berkata, pemakaian pelitup muka yang betul adalah dengan pelitup muka menutup hidung serta mulut sepenuhnya, bukan sekadar di bawah atau hujung hidung memandangkan virus Sars-CoV-2 amat mudah merebak melalui titisan cecair atau titisan saluran pernafasan.

"Amalan saling tegur-menegur tidak asing lagi bagi masyarakat di negara ini di

Teruskan pakai pelitup muka

Saran orang ramai terus waspada di fasa endemik



SEORANG pengunjung mengimbas kod QR MySejahtera sebelum memasuki premis di Jalan Tuanku Abdul Rahman di ibu kota, semalam. Rakyat harus mematuhi prosedur operasi standard (SOP) seperti memakai pelitup muka bagi mengelak penularan Covid-19. - Gambar NSTP/ASYRAF HAMZAH



Jika ada individu tidak memakai pelitup muka atau memakainya dengan tidak betul, kita boleh saling menegur secara berhemah"

Dr Noor Hisham

mana ia amalan solidariti bagi kebaikan bersama. Jika ada individu tidak memakai pelitup muka atau memakainya dengan tidak betul, kita boleh saling menegur secara berhemah.

"Amalan ini perlu dibuda-

ayakan demi menjaga kesihatan sesama kita selain terus mengamalkan penjarakan fizikal yang munasabah dan segera mendapatkan dos penggalak," katanya.

Senarai penuh prosedur operasi standard (SOP) melibatkan pemakaian pelitup muka boleh didapati di laman www.mysop.gov.my.

Mengenai perkembangan Covid-19 dalam negara kelmarin, Dr Noor Hisham berkata, kes baharu kekal di bawah paras 15,000 untuk empat hari berturut-turut dengan 12,017 kes, menjadikan kumulatif kes di negara kini 4,268,486 kes.

Mengenai penggunaan fasiliti kesihatan khusus bagi

kes Covid-19, beliau berkata, hanya Selangor mencatat peratusan pengisian 50 peratus atau lebih bagi penggunaan katil Unit Rawatan Rapi (ICU) setakat kelmarin iaitu 51 peratus.

Menurut Dr Noor Hisham, 558 kes Covid-19 dimasukkan ke hospital kelmarin dengan 221 kes kategori tiga, empat dan lima sementara selebihnya kategori satu serta dua.

Kadar kebolehhajatan Covid-19 atau nilai Rt dicatat di seluruh negara pula 0.86 dengan Selangor merekodkan kadar tertinggi iaitu 1.03 manakala Kelantan mencatat kadar paling rendah dengan 0.66.

6,646 positif tidak bergejala

Putrajaya: Sebanyak 12,017 kes baharu jangkitan Covid-19 dilapor setakat kelmarin dengan 55.30 peratus bersamaan 6,646 kes membabitkan pesakit kategori satu atau tidak bergejala.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, perkembangan itu menjadikan sehingga kini jumlah individu dijangkiti Covid-19 meningkat kepada 4,268,486 kes.

Mengulas kes kelmarin, Dr Noor Hisham berkata, ia membabitkan 11,958 kes penularan tempatan dengan 59 kes jangkitan luar negara.

Memperincikan kategori kes dikesan kelmarin, Dr Noor Hisham memaklumkan pesakit kategori dua sebanyak 44.13 peratus atau 5,303 kes.

"Selain itu pesakit kategori tiga membabitkan 28 kes, kategori lima (25 kes) dan kategori empat (15 kes).



Secara keseluruhan, daripada jumlah kategori tiga hingga lima, 40 kes membabitkan individu mempunyai komorbid dan berumur 60 tahun ke atas (38 kes).

"Turut dikesan individu sudah terima dua dos vaksin namun tiada dos penggalak (29 kes), sudah menerima dos penggalak (24 kes) dan tidak divaksinasi atau belum lengkap vaksin (15 kes)," katanya.

Sehingga kini, Dr Noor Hisham berkata, ada 234 kes dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU) iaitu 102 kes positif dengan 132 kes disyaki, berkemungkinan dan dalam siasatan.

Kuala Terengganu: Kerajaan Terengganu kesal dengan tindakan sesetengah ibu bapa yang sanggup merisikokan kesihatan anak mereka dengan membawa bayi dan kanak-kanak ke bazar Ramadan tanpa memakai pelitup muka.

Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Perumahan, Kesihatan dan

GAGAL PATUHI SOP DI BAZAR RAMADAN

'Tinggal sebentar anak kecil di rumah'

Alam Sekitar negeri Dr Alias Razak berkata, lebih-lebih lagi Terengganu masih berada pada kedudukan kedua terendah dalam Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan, Ka-

nak-Kanak (PICKids). Setakat kelmarin, kadar vaksinasi PICKids di Terengganu hanya 12.6 peratus daripada 178,700 populasi kanak-kanak berusia lima hingga 11 yang sudah

menerima suntikan dos pertama vaksin Covid-19. "Saya nasihatkan ibu bapa kalau sayangkan anak, tinggalkanlah sebentar di rumah atau dalam kereta, bergilir sahaja suami isteri

untuk pergi sebentar membeli juadah berbuka puasa. "Kita tidak tahu di bazar ini mungkin ada individu positif Covid-19 namun tidak bergejala. Kita tidak mahu jika dijangkiti, kesi-

hatan mereka teruk kerana belum dapat perlindungan (vaksin)," katanya selepas membuat tinjauan di bazar Ramadan Dataran Shahbandar di sini, kelmarin.

Menurutnya, tahun ini, ada 59 lokasi bazar Ramadan di seluruh Terengganu membabitkan 4,938 gerai makanan dan 9,666 pengendali makanan.

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 7

RUANGAN : COVID-19



KADAR vaksinasi yang tinggi di dalam negara pada masa ini menyumbang kepada penurunan kes positif Covid-19.

Faktor kadar kes jangkitan menurun

Imuniti tinggi hasil vaksinasi sumbang kadar penurunan jangkitan

Oleh Yusmizal Dolah Aling
yusmizal@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Beberapa faktor dikenal pasti menjadi penyebab kepada penurunan kes jangkitan Covid-19 sejak beberapa hari lalu walaupun negara berada pada fasa peralihan ke endemik ketika ini.

Presiden Persatuan Doktor-Doktor Islam Malaysia (Perdim) Dr Boi Saidi Abdul Razak berkata, antara yang menyumbang termasuklah kadar vaksinasi yang tinggi di dalam negara pada masa ini.

Menurutnya, jumlah mereka yang divaksin dua dos sebanyak hampir 80 peratus dan dos penggalak sebanyak 48.6 peratus memberikan imuniti kepada badan seseorang.

Katanya, ia menyebabkan seseorang itu mempunyai ketahanan yang tinggi untuk melawan virus.

“Apa yang terjadi, kadang-kadang apabila mereka mempunyai imuniti, gejala menjadi tidak kuat. Ada orang sehari dua demam dan sembuh sendiri tanpa ubat.

“Hinggakan ada yang dijangkiti Covid-19 satu atau dua hari, tidak sempat kita nak periksa, mereka sembuh sendiri dengan imuniti ini tadi atau apa yang kita kenali sebagai asimtomatik,” katanya kepada Harian Metro.

Beliau mengulas mengenai penurunan jangkitan harian pada tahap 10,000 sejak tiga hari lalu seperti dilaporkan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

Menurutnya, faktor lain adalah imuniti alami di dalam badan bagi mereka yang sudah dijangkiti sebelum ini menyebabkan mereka mempunyai daya tahan melawan virus.

“Bagi mereka yang pernah dijangkiti, badan mereka mempunyai imuniti alami, di mana kalau ada varian lain menyerang, tahap imuniti kita tinggi.

“Selain itu, kuarantin sendiri di rumah juga membantu menurunkan kes harian. Dasar kerajaan ketika ini, Covid-19 tahap satu dan dua perlu menjalani kuarantin sendiri.

“Data terkini menunjukkan 97.6 peratus menjalani kuarantin sendiri. Mereka tidak perlu ke klinik, atau Pusat Kuarantin dan Rawa-

tan Covid-19 Berisiko Rendah (PKRC), sebaliknya berada di rumah, ada yang asimtomatik tetapi tidak maklumkan, itu yang menyebabkan kes rendah,” katanya.

Beliau berkata, mutasi daripada genom yang menghasilkan pelbagai jenis varian seperti Omicron yang mempunyai karakter sendiri, tidak berbahaya tetapi mudah dijangkiti.

“Justeru, Perdim menasihatkan orang ramai agar terus menjaga prosedur operasi standard (SOP) seperti memakai pelitup muka dan menjaga penjarakan ketika berada di tempat sesak bagi mengelak dijangkiti.

“Pembukaan sempadan juga akan merencanakan pergerakan serta memacu ekonomi negara. Perdim juga berterima kasih kepada kerajaan berhubung perkembangan ini, namun rakyat mesti berhati-hati dan mematuhi SOP,” katanya.

11,636 terima dos penggalak semalam

Kuala Lumpur: Sebanyak 33,621 kanak-kanak berusia antara lima hingga 11 di negara ini sudah lengkap menerima dua dos suntikan vaksin Covid-19 menerusi Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan Kanak-Kanak (PICKKids) setakat kelmarin.

Berdasarkan laman web Covidnow, sejumlah 1,353,774 kanak-kanak dalam kumpulan sama atau 38.1 peratus daripada populasi berkenaan sudah menerima sekurang-kurangnya satu dos vaksin.

Bagi populasi dewasa, seramai 15,876,357 individu atau 67.5 peratus pula sudah menerima dos penggalak, manakala 22,954,326 individu atau 97.6 peratus sudah lengkap vaksinasi dan 23,231,749 atau 98.8 peratus sudah menerima sekurang-kurangnya satu dos vaksin.

Bagi remaja berusia antara 12 hingga 17, seramai 2,854,230 individu atau 91.7 peratus sudah lengkap divaksinasi dan 2,950,267 individu atau 94.8 peratus sudah menerima sekurang-kurangnya satu dos vaksin.



Sebanyak 22,807 dos vaksin sudah diberikan semalam, membabitkan 2,501 dos pertama, 8,670 dos kedua dan 11,636 dos penggalak, menjadikan jumlah kumulatif dos yang diberikan di bawah Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan (Pick) kepada 69,042,067.

Sementara itu, menurut portal GitHub Kementerian Kesihatan, sebanyak 33 kematian akibat Covid-19 dilaporkan di negara ini kelmarin dengan Selangor mencatatkan jumlah tertinggi iaitu lapan kematian.

Ini diikuti Perak dengan enam kes, Kedah (empat) dan tiga kematian di Sarawak, Johor, Kelantan, Negeri Sembilan, Pahang dan Perlis masing-masing merekodkan dua kes manakala Pulau Pinang dan Kuala Lumpur masing-masing, satu kes kematian.

Tak perlu salinan fizikal vaksinasi

Johor Bahru: Pengembara serta individu yang memasuki Singapura menerusi pusat pemeriksaan darat dari Malaysia, tidak perlu menunjukkan salinan fizikal sijil vaksinasi Covid-19. Sebaliknya, Pihak Berkualsa Imigrasi dan Pusat Pemeriksaan (ICA) Singapura berkata, pengembara hanya perlu menghantar permohonan Kad Ketibaan Singapura (SG Arrival Card) secara dalam talian, sebelum rekod vaksinasi mereka disahkan Kementerian Kesihatan Singapura menerusi sistem mereka.

Memetik laporan portal

berita Channel News Asia (CNA) kelmarin, ICA berkata, penjelasan itu dibuat berikutan mesej WhatsApp tular yang tersebar mengenai pengalaman pengembara yang melalui satu daripada pusat pemeriksaan laluan darat.

Mesej itu antara lain mendakwa, pengembara yang mahu memasuki Singapura perlu menunjukkan salinan fizikal rekod vaksinasi, memo pemulihan Covid-19 atau salinan rekod digital SG Arrival Card.

Mesej itu mendakwa, sijil vaksinasi fizikal diperlukan kerana sistem ICA dan Kementrian Kesihatan tidak ter-

hubung dan pengembara tidak boleh menganggap bahawa ICA mempunyai akses kepada rekod vaksinasi mereka.

Mesej itu turut mendakwa, rekod digital SG Arrival Card diperlukan kerana sistem ICA tidak dapat mengesan penyerahan yang dilakukan pengembara secara dalam talian.

Kelmarin, ICA dilaporkan menegaskan, warga Singapura yang kembali ke republik itu, pemastautin tetap dan pemegang pas jangka panjang yang divaksinasi di Singapura tidak perlu menunjukkan salinan fizikal sijil vaksinasi.

Dalam pada itu, pemastautin dan pelawat asing yang divaksinasi di luar Singapura dan berjaya memuat naik sijil vaksinasi digital semasa menghantar SG Arrival Card, juga tidak perlu membawa salinan fizikal sijil vaksinasi untuk ditunjukkan kepada pegawai ICA di pusat pemeriksaan darat.

Menerusi rangka kerja VTL sebelum ini, pengembara yang sudah divaksin serta mereka yang pulih dari Covid-19 juga tidak perlu menunjukkan memo pemulihan apabila memasuki Singapura melalui jalan darat.

AKHBAR : KOSMO
 MUKA SURAT : 6
 RUANGAN : NEGARA

Bawa anak ambil vaksin sebelum beraya elak long covid

PETALING JAYA – Orang ramai dinasihat supaya mendapatkan suntikan vaksin untuk anak-anak yang layak sebelum pulang ke kampung halaman menyambut Hari Raya Aidilfitri, bulan depan.

Pakar Kesihatan Awam Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan Universiti Putra Malaysia, Prof. Dr. Malina Osman berkata, perkara itu penting bagi mengelak kesan lebih buruk sekiranya kanak-kanak dijangkiti Covid-19 semasa pulang beraya.

"Saya harap kedua-duanya sama ada individu dewasa mahupun kanak-kanak umur lima hingga 11 tahun dan warga emas yang belum terima dos penggalak dapatkan vaksin segera.

"Kemasukan kanak-kanak ke hospital telah meningkat sejak awal tahun dan mereka mudah mendapat komplikasi serius 'long covid', jadi mari kita cuba elakkan keadaan sedemikian.

"Kita tidak dapat mengelak daripada keperluan mendapatkan suntikan vaksin kerana memasuki fasa peralihan endemik



NORAN

dengan banyak interaksi sosial akan berlaku dan ia lebih banyak berlaku apabila di kampung," katanya semalam.

Media sebelum ini melaporkan terdapat 119,000 kes jangkitan Covid-19 dalam kalangan kanak-kanak berusia lima hingga 11 tahun dilaporkan setakat Januari hingga Mac 2022.

Kanak-kanak tersebut bukan sahaja mendapat gejala ringan, tetapi ada antara mereka mendapat gejala serius sehingga dima-



GELAGAT 'Spiderman' menceerikan kanak-kanak yang mengambil suntikan vaksin di Kipmall Melaka pada 16 Februari lalu.

sukkan ke unit rawatan rapi.

Data terkini menunjukkan hanya 38 peratus kanak-kanak mendapat vaksinasi, manakala remaja (91.7 peratus) dan dos penggalak sekitar 67.3 peratus.

Malina berkata, walaupun sekarang negara secara keseluruhan bertambah baik, tetapi risiko

untuk mereka yang belum divaksin mengalami komplikasi serius masih tinggi.

"Dalam keadaan yang ideal, saya secara peribadi menyasarkan sekurang-kurangnya 70 peratus liputan vaksin untuk kanak-kanak, tetapi ia masih lagi gagal dicapai dan ketika ini hanya 38

peratus sahaja," ujarnya.

Sementara itu, Pakar Epidemiologi dan Pakar Perubatan Kesihatan Awam dari Universiti Malaya, Prof. Dr. Noran Naqiah Hairi menzahirkan kebimbangan mengenai risiko kanak-kanak belum divaksin dibawa ke bazar Ramadan.

Menurut beliau, bazar Ramadan merupakan kawasan terbuka, tetapi keadaannya yang sesak dengan orang ramai berisiko menularkan jangkitan tersebut terhadap kanak-kanak terbabit.

"Jika belum divaksin jangan bawa ke kawasan sesak. Kita faham semua mahu kembali ke tahun 2019, tetapi kita belum sampai ke tahap itu," katanya.

Beliau seterusnya meminta orang ramai tidak memandang ringan kesan jangka masa panjang Covid-19 terhadap kanak-kanak kerana terdapat laporan mereka berisiko mengalami penyakit kencing manis.

"Covid-19 masih penyakit baru dan banyak lagi kita tidak tahu tentangnya termasuk kesan jangka masa panjang," jelasnya.

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 15

RUANGAN : NASIONAL

Penghidap diabetes lebih mudah dijangkiti gejala Covid-19 serius

SHAH ALAM -

Penghidap diabetes adalah tiga hingga empat kali lebih mudah untuk dijangkiti gejala Covid-19 yang serius berbanding individu yang tidak menghidap penyakit itu, kata Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin Abu Bakar.

Beliau berkata, memandangkan penyakit diabetes telah lama wujud dalam masyarakat, maka rakyat perlu berusaha untuk membendunginya daripada terus menular yang akhirnya akan memberi kesan terhadap kualiti hidup penduduk Malaysia.

"Diabetes bukan sahaja dikaitkan dengan pengambilan gula berlebihan malah ia berkait rapat dengan cara pemakanan yang tidak terkawal dan amalan cara hidup yang tidak sihat," katanya ketika berucap pada Kempen Perangi Diabetes anjuran Selangor FC dan syarikat farmaseutikal Sanofi Aventis Malaysia (Sanofi) yang berlangsung secara maya pada Rabu.

Justeru beliau mengingatkan orang ramai tentang kepentingan menjaga kesihatan diri dengan mengamalkan diet pemakanan yang sihat dan seimbang serta mengamalkan cara hidup yang aktif.

"Ibu bapa juga harus menjadi contoh kepada anak-anak dalam me-

**MENDEPANI KRISIS
COVID-19:
APA TINDAKAN
KITA?**

ngamalkan cara hidup yang sihat bagi memastikan anak-anak kita terus sihat, cergas dan bebas daripada sebarang penyakit," katanya.

Menurutnya, tinjauan Kebangsaan Kesihatan dan Mobiditi (NHMS) 2019 mendapati peratusan pesakit diabetes di Malaysia telah meningkat daripada 13.4 peratus pada 2015 kepada 18.3 peratus (2019).

"Laporan ini telah menunjukkan satu daripada lima individu dewasa berumur 18 tahun ke atas di negara ini, hidup dengan diabetes atau persamaan hampir 4 juta penduduk Malaysia," kata beliau.

KHAIRY



AKHBAR : THE STAR
 MUKA SURAT : 3
 RUANGAN : NATION

Reports by RAHIMY RAHIM, R. SEKARAN, IMRAN HILMY, MOHD FARHAAN SHAH and IYLIA MARSYA ISKANDAR

Getting testy upon arrival

Malaysians quiz need for back-to-back screening

PETALING JAYA: Malaysian travellers arriving in the country are fuming that they have to pay for an expensive professional RTK-Antigen test at the Kuala Lumpur International Airport (KLIA) when they had already done a pre-departure PCR test.

They also questioned the need for the on-arrival test when Singapore, Indonesia and the Philippines have stopped it or have announced that they will halt doing so soon.

Cindy Foo, 35, who returned from Jakarta, said she had to do the RTK-Antigen test at the airport on April 1.

"We had to wait for the test at KLIA. I don't understand why we have to be tested again when we had already taken the pre-departure test," she said yesterday.

Another traveller from Singapore, Muhamad Hamid, 39, also questioned the need to do the test again.

"It would be easier for us if they scrap the on-arrival testing just like other countries in the region," he added.

There are several types of on-arrival Covid-19 test options available at KLIA and klia2, with the professional RTK-Antigen (nasal) test costing RM100 for Malaysians and RM160 for foreigners.

The normal cost in a clinic would be around RM60 to RM70.

It takes between 15 and 30 minutes for the test results to be out.

For the Reverse Transcription-Polymerase Chain Reaction (RT-PCR) test, Malaysians are charged RM250 while international travellers pay RM350. It usually costs between RM180 and RM250.

As for the rapid RT-PCR test, it will cost RM370 for Malaysians while foreigners pay RM470. The usual price is below RM350.

Private Covid-19 screening provider BP Healthcare is the sole company handling Covid-19 RT-PCR screening services, which is mandatory for all incoming travellers at KLIA and klia2.

Malaysian Airport Holdings Bhd (MAHB), however, has denied claims that the RTK testing at international airports was monopolised by one company.

A senior official said there were four different health service providers at four international airports – KLIA, Penang International Airport, Kota Kinabalu International Airport and Kuching International Airport.



Easy does it: A health worker carrying out an RT-PCR Covid-19 test at KLIA. — SAMUEL ONG/The Star

RTK ANTIGEN TEST PROCESS UPON ARRIVAL IN MALAYSIA AIRPORTS

- 1 Arrival and registration for RTK Antigen test
- 2 Take the test at the designated place
- 3 Sample will be sent to the lab
- 4 Results of the sample will be ready in 15 minutes
- 5 The result will be released to you

Note: If invalid, you need to repeat lab testing
 Source: Malaysia Airports

ON-ARRIVAL COVID-19 TESTS

Covid-19 test type	Time needed for result (upon sample arrival at lab)	Minimum time before airline check-in counter closes	Malaysian price	Non-Malaysian price
Rapid RT-PCR Test	1.5 hours	1.5 hours	RM370*	RM470*
RT-PCR	3 hours	4 hours	RM250*	RM350*
RTK Antigen (Nasal)	15 - 30 minutes	45 minutes	RM100	RM160
Antibody Test	< 24 hours	< 24 hours	RM90	RM120

* An additional RM100 (PPE) for each family is required for departure
 Source: BP Healthcare
 TheStar graphics

ers at four international airports – KLIA, Penang International Airport, Kota Kinabalu International Airport and Kuching International Airport.

From April 1, fully vaccinated travellers entering Malaysia are required to undergo a PCR test two days before departure and will also

have to undergo a professional RTK-Antigen test within 24 hours upon arrival.

AirAsia Malaysia chief executive officer Riad Asmat said that while it welcomed the reopening of international borders, many Asean countries have made the journey easier

by simplifying testing regimes for travellers.

"Cambodia, for example, has completely removed any testing requirement, while travellers to Thailand, Indonesia, Vietnam, Singapore and the Philippines are required to undertake one Covid-19 test (either pre-departure or on-arrival)," he said.

He noted that in Malaysia, although the pre-departure PCR test requirement remains, travellers have to undergo the RTK-Antigen test within 24 hours of arrival.

"This provides greater flexibility and eases the travel process.

"As the pandemic situation continues to evolve, travel processes and regulations such as the number and type of tests could also be reviewed periodically to ensure their relevance, without burdening travellers," he added.

He said as Covid-19 tests become increasingly essential for travellers, the affordability of the mandatory testing would also affect the attractiveness of Malaysia as a preferred tourism destination.

"Cheaper PCR and RTK tests will reduce the cost for travellers and support a more effective recovery of the tourism and aviation industry, without compromising public health.

"Allowing more health service providers to offer testing services at Malaysian airports will encourage competition and increase efficiency of test services available," said Riad.

Malaysia Aviation Group said that it stands guided by the government's directives and appreciates its intervention to simplify the SOP so that travellers are able to enter Malaysia safely.

'Review requirement for incoming passengers'

GEORGE TOWN: Air travellers are hoping that upon arrival a professional Covid-19 RTK-Antigen test can be done away with as the charges are too costly.

Singapore-based Penangite TK Lee, 45, said paying RM99 for the test at Penang International Airport was too steep.

